

Kepimpinan Anwar jadi tonggak kestabilan, pembangunan negara

Pakar politik setuju kejayaan dikecapi hasil permuafakatan dalam gabungan

Oleh **Latifah Arifin**
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tanpa kestabilan politik yang diangkat sebagai agenda utama Kerajaan Perpaduan sejak ia dibentuk dua tahun lalu, sukar untuk tadbir urus negara khususnya dalam konteks ekonomi, pembangunan dan pelaburan digerakkan dengan berkesan.

Demikian pandangan pakar politik dan kenegaraan yang bersejua sebahagian besar kejayaan dikecapi negara hari ini adalah hasil permuafakatan dalam kalangan parti politik dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi tonggak dalam me-

realisasikannya.


Felo Penyelidik Utama Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Zaid Ahmad, berkata walaupun Anwar berdepan pelbagai tohmahan, termasuk dalam kalangan rakyat yang masih tidak berpuas hati kerana mahu semua manifesto Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) dilaksanakan, sumbangan besarnya dalam menyatukan parti politik pasca Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) tidak wajar dinafikan.

"Perdana Menteri melakukan perkara yang betul dalam memimpin Kerajaan Perpaduan iaitu langkah pertamanya adalah memastikan kestabilan politik. Ini selari dengan fiqh aulawiyat atau fiqh keutamaan.

"Tanpa (kestabilan politik) aspek lain termasuk pembangunan dan pelaburan yang pesat tak da-

pat dilaksanakan dengan pesat seperti kita kecapai sekarang.

"Rakyat kena faham, selepas PRU15, tidak ada mana-mana parti politik yang menang. Jika ada pun ada yang dapat kerusi lebih banyak berbanding yang lain, namun tak dapat majoriti.



Zaid Ahmad

"Jadi, di sini Anwar memainkan peranannya. Beliau sanggup berkompromi dengan parti yang dahulu menjadi musuh. Jadi, tak adil untuk minta Anwar kotakan manifesto. Beliau (Anwar) perlu bergabung dengan parti lain.

"Jadi, persetujuan yang dicapai waktu itu hanyalah berkaitan perkara asas, termasuk soal *reform* itu semua perkara yang tidak lagi satu keutamaan waktu itu. Apa yang penting adalah untuk menubuhkan kerajaan," katanya kepada *BH*.

Beliau mengulas reaksi Anwar pada sesi Townhall Program Dua Tahun Kerajaan Madani (2TM) di

Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, kelmarin, yang menyifatkan kejayaan Kerajaan MADANI sepanjang dua tahun mentadbir negara adalah hasil kestabilan politik, dasar yang jelas serta komitmen perkhidmatan awam.

Tiada pemimpin lain

Zaid yang juga Setiausaha Agung Persatuan Sejarah Malaysia, berkata pembentukan Kerajaan Perpaduan berlaku dalam situasi yang amat berbeza dan tidak boleh dibandingkan dengan pembentukan kerajaan terdahulu.

"Saya tak nampak ada pemimpin lain yang boleh bermuafakat sesama parti politik yang saling bermusuhan sebagaimana Anwar lakukan. Misalnya, jika disebut Tun Dr Mahathir Mohamad, saya percaya beliau juga tak mampu untuk tangannya berdasarkan karakter Tun yang agak keras (dalam pendirian politiknya).

"Dalam situasi perlu berkompromi, ini bagi saya tak mudah. Tetapi bagaimana Anwar boleh 'menelan' misalnya manifesto atau janji pernah dibawa dalam

kempen politik sedangkan beliau terpaksa akur kerana mungkin sebahagian besar daripada janji ini tak boleh dikotakan kerana Kerajaan Perpaduan yang dibentuk ini dianggotai Kabinet daripada gabungan parti lain.

"Malah, bayangkan tanpa kestabilan politik, bagaimana Anwar nak bawa nama Malaysia ke per-sada dunia, dalam keadaan mungkin anggota Kabinet saling bercakaran sesama sendiri. Ya, memang ada sedikit percanggahan pendapat yang masih dapat kita lihat dalam kalangan (menteri Kerajaan Perpaduan) tetapi ia masih terkawal dan tidak dibiarkan melarat," katanya.

Sementara itu, penganalisis politik dari Universiti Teknologi MARA (UiTM), Mujibu Abdul Muis, turut berpandangan senada.

Beliau melihat kepemimpinan pemimpin PH itu berjaya melepasi tempoh dua tahun awal pemerintahan Kerajaan Perpaduan dalam prestasi lebih baik berbanding tiga perdana menteri sebelumnya.